

PR1MA terus aspirasi bina rumah mampu milik - PM

Oleh OMAR ZIN
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) terus menyahut seruan kerajaan dengan membina lebih banyak rumah mampu milik di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dengan projek terbaharu Residensi PR1MA Astrum Ampang di Jalan Jelatek, Kuala Lumpur.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, PR1MA telah membuat pendekatan pemilikan rumah secara holistik iaitu daripada membina sehinggalah mencari solusi mencari pembiayaan bersesuaian buat pembeli.

“Kerajaan akan terus menyokong usaha PR1MA dalam menjalankan mandat mereka dan membantu golongan berpendapatan sederhana memiliki rumah yang membolehkan penghuninya menikmati kehidupan yang mampan,” kata beliau dalam majlis perasmian pecah tanah Astrum Ampang dekat sini semalam.

Beliau juga menjelaskan, falsafah penubuhan PR1MA bukan sekadar membangunkan rumah mampu milik tetapi lebih daripada itu.

“PR1MA turut berminat untuk membina satu komuniti yang bersepadu dan harmoni. Saya berharap PR1MA akan terus cekap dalam menggalas sasaran ini dan berusaha sebaik mung-



ISMAIL Sabri Yaakob diiringi Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican melihat replika bangunan Prima Astrum Ampang pada majlis pecah tanah di Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/ AMIR KHALID

kin untuk memastikan wawasan itu dijayakan, dan bukan hanya sekadar janji,” katanya.

Pada masa sama, Ismail Sabri memberi peringatan bahawa aspirasi utama kerajaan adalah untuk menggarap wawasan yang telah digariskan di bawah RMK-12 iaitu membina 500,000 rumah mampu milik.

“Daripada jumlah yang telah

dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk melaksanakannya bersama agensi-agensinya dibawahnya, kita berharap akan dapat merealisasikan wawasan “Satu Keluarga Satu Rumah”.

“Aspirasi ini adalah sangat dekat di hati saya kerana saya bagi pihak kerajaan memahami kerisauan anak muda khususnya

jika mereka akan mempunyai bumbung di atas kepala selepas persaraan,” kata beliau.

“Dengan peningkatan kos barangan binaan yang mendadak disebabkan konflik antara Ukraine dan Russia, kerajaan bertiltizam untuk memastikan kekusaran ini didengari dan satu rangka penyelesaian disediakan,” katanya.